


# KL, Damsyik manfaat dagangan serantau

BH- 27/2/2007

## PM jemput ahli perniagaan Syria sertai pameran halal



**M**ALAYSIA dan Syria perlu mengeksploitasi kedudukan serantau masing-masing untuk meningkatkan jaringan perdagangan antara Asean dan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara mampu meningkatkan perdagangan dalam pasaran Asean dan Asia Barat dengan kerjasama yang lebih erat menerusi rangkaian perdagangan sedia ada.

"Malaysia mempunyai jiran di Asean, manakala Syria di Asia Barat. Ini tentunya menyediakan lebih banyak peluang untuk mencapai matlamat meningkatkan jaringan perdagangan masing-masing.

"Saya harap ahli perniagaan Malaysia dan Syria mengambil kesempatan ini kerana masih banyak belum diteroka dalam struktur perdagangan dan pelaburan kedua-dua negara," katanya pada Seminar Peluang Perniagaan di Malaysia dan Syria di Hotel Le Meridien, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kerjaya Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Mohd Zin.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu, Syria adalah destinasi eksport Malaysia kelapan terbesar di Asia Barat, tetapi sektor tidak berkembang lagi.

"Nilai perdagangan pada tahun lalu hanya RM548.45 juta, berbanding RM578.2 juta pada 2005.

"Pertukaran pelaburan juga kurang cergas. Sebahagian besar pelaburan Malaysia di Syria ialah getah dan peralatan kilang. Nilainya juga kecil iaitu hanya RM23.8 juta, manakala RM742 juta lagi membabitkan pelbagai projek yang kini masih pada peringkat rundingan.

"Pelaburan dari Syria ke Malaysia



**PERKUKUH HUBUNGAN:** Abdullah berbual dengan Presiden Syria, Bashar Al-Assad sebelum menghadiri mesyuarat di Damsyik, semalam.

juga terhad, iaitu membabitkan makanan dan industri getah. Sehingga kini, pelaburan Syria diluluskan di Malaysia ialah RM34.3 juta," katanya.

Bagaimanapun, beliau tetap menghargai sebilangan besar syarikat Malaysia yang berusaha keras untuk mencapai kejayaan di Syria.

"Pengeluar kereta Proton dan Perodua berjaya menjual pelbagai model kereta di pasaran negara ini yang mana kini mendapat sambutan baik daripada pengguna," katanya.

Abdullah berkata, selain perniagaan sedia ada, ahli perniagaan Syria dipelawa merebut peluang besar dalam bidang perkhidmatan dan produk halal di Malaysia.

Beliau menegaskan bahawa sektor itu mempunyai potensi untuk meningkatkan kerjasama lebih erat kedua-dua negara kerana perkhidmatan dan produk halal bukan hanya untuk negara Islam tetapi untuk pasaran global.

"Malaysia bertekad menjadi hab

halal global dan saya yakin ahli perniagaan kedua-dua negara boleh memperoleh faedah besar menerusi strategi Malaysia ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau menjemput ahli perniagaan Syria mengambil bahagian dalam Pameran Halal Antarabangsa Malaysia di Kuala Lumpur dari 9 hingga 13 Mei ini.

"Pameran ini boleh dijadikan batu

loncatan untuk mereka meningkatkan kerjasama dalam sektor perkhidmatan dan produk halal di pasaran antarabangsa," katanya.

Abdullah juga menjelaskan ekonomi Malaysia sedang berkembang pesat sejak 10 tahun kebelakangan dengan mencatat lebih dagangan berturut-turut selama 110 bulan.

Abdullah berkata, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga akan memperhebatkan lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

"Kedua-dua rancangan itu memberikan tumpuan khas kepada sektor pertanian dan dalam hal ini saya gembira kerana Syria mengalakan kembali fokus utama daripada sektor perindustrian kepada pertanian.

"Saya dimaklumkan berikutan keputusan itu Syria beralih daripada pengimport produk pertanian kepada pengeksport kapas, buah-buahan, sayur-sayuran dan barang makanan lain," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Nilai perdagangan

**RM548.45j**

2006

**RM578.2j**

2005